

**SOALAN NO. : 45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJI DATU NASRUN BIN  
DATU MANSUR (SILAM)**

**TARIKH : 16 MAC 2015 ( ISNIN )**

**SOALAN :**

YB Datuk Haji Datu Nasrun Bin Datu Mansur [Silam] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah persiapan ESSCOM dalam terus memperkasakan keselamatan di kawasan Pantai Timur Sabah. Apakah status terkini Kumpulan Militan Abu Sayyaf, MNLF dan MILF yang dikatakan terlibat dengan Militan Iraq Syiria Islamic State (ISIS).

**JAWAPAN:      YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

ESSZONE yang ditunjangi oleh ESSCOM telah memainkan peranan seperti yang diamanahkan dengan beberapa pendekatan jangka pendek yang akan menjadi satu langkah yang konsisten dalam konteks jangka panjang bagi menyelesaikan isu keselamatan rakyat di Sabah khususnya di Zon Selamat Timur Sabah (ESSZONE). Antara langkah-langkah yang sedang dan akan diambil adalah seperti berikut:

- i) Mengukuhkan kawalan keselamatan secara bersepadu iaitu dengan meningkatkan kesiapsiagaan aset bagi keberkesanan pengawasan, kawalan dan penguatkuasaan untuk mewujudkan cegah rintang di ESSZONE. Di samping itu, operasi respon berlapis turut dapat diperkemaskan secara berterusan.
  
- ii) Meningkatkan keupayaan risikan dan perkongsian maklumat. Langkah ini dilaksanakan dengan mengoptimumkan rangkaian sumber risikan dalam dan luar negera, meningkatkan kesedaran keselamatan masyarakat di ESSZONE melalui program masyarakat bersama ESSCOM dan perolehan keupayaan risikan secara berterusan. Usaha

juga sedang dilaksanakan bagi mewujudkan perbincangan antara Malaysia dan Filipina berkaitan kawal selia sempadan melalui platform *High Level Committee (HLC)*.

- iii) Memperkemaskan kawal selia persempadanan. Langkah ini dilaksanakan dengan meneruskan perintah berkurung di ESSZONE, mengisytiharkan pulau-pulau yang berisiko keselamatan sebagai kawasan larangan serta meningkatkan kawal selia keluar masuk perairan ESSZONE (laluan ditetapkan, barter trade, pump boat).
- iv) Merancang dan menyelaras penempatan semula perkampungan air. Mengenal pasti dan membangunkan kawasan penempatan baru bagi menempatkan semula sebahagian perkampungan air yang berisiko dan membangunkan semula perkampungan air sedia ada. Ini bertujuan untuk memperkemaskan lagi kawal selia serta mengurangkan risiko keselamatan yang berkaitan dengan perkampungan air. Usaha juga sedang dilaksanakan bagi menyelaraskan isu-isu yang melibatkan masyarakat Pala'u.
- v) Memupuk semangat patriotisme. Pendekatan yang diambil adalah dengan mengadakan operasi gerak saraf perang saraf, program keagamaan, sosial dan riadah dan program

keahlian sukarela dengan pasukan keselamatan secara berterusan.

- vi) Menyelaras pembangunan sosio ekonomi. Strategi yang diambil adalah seperti mewujudkan peluang pekerjaan melalui pembangunan industri kecil dan sederhana, program meningkatkan kemahiran individu supaya supaya masyarakat dapat berdikari dan berdaya saing.

Langkah-langkah ini secara langsung akan menyelesaikan pelbagai isu keselamatan di ESSZONE kerana hasil yang dihasilkan akan menjurus kepada situasi yang selamat dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Menyentuh tentang hubungan kumpulan militan di selatan Filipina yang terlibat dengan militan *Iraq Syria Islamic State* (ISIS), Kumpulan Abu Sayyaf (KAS), Kumpulan MNLF yang pro Nur Misuari dan *Bangsamoro Islamic Freedom Fighter* (BIFF) telah membuat pengakuan secara terbuka yang memperakui dan menyokong ISIS. Walau bagaimanapun, Kumpulan MNLF dan *Moro Islamic Liberation Front* (MILF) belum mengumumkan pendirian mereka secara rasmi.

Sekian. Terima kasih.